

# Henti bincang Artikel 121, Artikel 11 - Abdullah

**KUALA LUMPUR** 27 ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua pihak di negara ini menghentikan semua perbincangan berkaitan Artikel 121 dan Artikel 11 dalam Perlembagaan Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya perkara tersebut terus dibangkitkan, ia akan menimbulkan pelbagai masalah di negara ini dan tidak akan menguntungkan mana-mana pihak.

"Semua pihak perlu mengawal diri mereka daripada terus menimbulkan isu-isu sensitif berkaitan sesuatu kaum dan agama.

"Nasihat saya pada semua pihak, hentikan daripada terus menimbulkan isu-

isu sensitif, jangan mewujudkan keadaan yang akan menyusahkan kita semua. Jika berlaku kesusahannya, maka semua orang tidak akan senang," katanya.

Abdullah yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian semasa berucap pada majlis perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-53, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting; Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Chan Kong Choy; bekas Presiden MCA Tun Ling Liong Sik dan pemimpin parti komponen BN yang lain.

Perdana Menteri berkata, setiap peruntukan yang termaktub di bawah Perlembagaan Malaysia adalah hasil daripada rundingan pemimpin-pemimpin terdahulu.

"Jika kita semua mematuhi artikel-artikel yang sedia ada di bawah Perlembagaan Malaysia, saya percaya segala masalah tidak akan timbul di kalangan kita. Jika perkara sensitif terus dibincang atau ditimbulkan, ia akan meributkan keadaan sedia ada jika tidak ditangani segera.

"Tak payahlah lagi Artikel 121 dan Artikel 11 itu dipinda. Ini semua hanya akan menimbulkan masalah antara satu sama lain," kata Abdullah.

Abdullah berkata, ada pihak yang bertanya mengapa perkara-perkara itu tidak boleh dibincangkan.

"Agama merupakan satu isu cukup sensitif. Negara maju seperti Amerika Syarikat juga mempunyai isu-isu sensitif berkaitan agama dan kaum. Ini semua akan mengambil masa yang saya sendiri juga tidak tahu," ujar beliau.

Dalam ucapannya itu juga, Abdullah berkata, semangat muafakat yang diabdikan oleh parti komponen telah menjadikan BN kekal kuat dan dipercayai rakyat.

Perdana Menteri berkata, muafakat yang tercetus daripada semangat setia-kawan itu menjadikan BN berterusan memerintah dan mampu memajukan rakyat negara ini.

"Ini adalah keajaiban pada BN, banyak parti yang menunjuk semangat muafakat pada parti menjadikan BN bertambah kuat," katanya.

Abdullah turut teringat detik-detik MCA yang berdiri teguh bersama UMNO ketika UMNO dilanda masalah dan bagaimana ketika MCA dilanda krisis, Allahyarham Tun Ghafar Baba diberi mandat oleh UMNO untuk menolong menyelesaikan krisis itu.